

Suhakam: Polis tidak harus khuatir

Oleh Kadir Dikoh **BH** 20 DEC 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, berkata polis tidak harus khuatir dengan penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) dan memberi jaminan kerajaan tidak akan mudah terpengaruh dengan dakwaan suruhanjaya itu melainkan kes yang mempunyai asas.

Perdana Menteri berkata, tindakan kerajaan menubuhkan Suhakam adalah untuk mengawasi supaya tidak berlaku pencabulan hak-hak asasi manusia oleh mana-mana pihak di negara ini.

“Ini jentera yang terpaksa diadakan dalam zaman moden ini kerana banyak tuduhan pemerintah menindas rakyat dan kita secara ikhlas menubuhkan Suhakam.

“Kita berhadapan dengan rakyat yang mempunyai sikap berlainan daripada dulu. Sekarang rakyat sedar hak dan kebebasan mereka membuat sesuatu kerana negara kita menga-

Tindakan kerajaan menubuhkan Suhakam adalah untuk mengawasi supaya tidak berlaku pencabulan hak asasi manusia oleh mana-mana pihak di negara ini – PM

malkan demokrasi,” katanya.

Dr Mahathir berucap pada majlis dialog dengan kira-kira 500 pegawai atasan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Bukit Aman di sini petang ini, selain majlis berbuka puasa, solat Maghrib, Isyak serta bertarawih.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

Bagaimanapun, katanya, penubuhan Suhakam mendedahkan kakitangan kerajaan termasuk polis dan

tentera kepada penyeliaan Suhakam dan kadangkala tindakannya tidak menyenangkan kerajaan.

“Mungkin kita percaya bahawa ini mengganggu kita dalam menjalankan tugas,” katanya.

Kontroversi timbul baru-baru ini apabila pegawai Suhakam mendengar keterangan pelbagai pihak berhubung tindakan polis terhadap perhimpunan berhampiran Tol Bukit Kemuning, Lebuhraya Kesas, 5 November lalu.

Dr Mahathir berkata, kadangkala jika berlaku keganasan, polis terpaksa bertindak menghentikannya.

Beliau berkata, pihak tertentu bukan melemparkan

tuduhan mengenai kekerasan yang berlaku, sebaliknya kerana kepentingan lain.

“Untuk menunjukkan ketelusan kerajaan, kita terpaksa membenarkan pihak yang menyelia (Suhakam) membuktikan dakwaan itu benar atau tidak. Ini bukan bermakna kita menyekat polis daripada menjalankan tugas.

“Jika berdepan orang yang ganas, tidak ada jalan lain melainkan menggunakan kekerasan. Oleh itu, saya harap polis tidak terlalu khuatir tentang penubuhan Suhakam.

“Kita nak imej polis Malaysia bersih daripada tindakan yang terkeluar daripada undang-undang,” katanya.

Perdana Menteri turut

menasihatkan polis supaya menjalankan tugas secara profesional dan tidak memihak kepada sesiapa bagi memelihara keamanan.

“Polis perlu profesional dalam menjalankan tanggungjawab dan tidak mengambil bahagian dalam pertikaian politik ataupun kaum,” katanya.

Dr Mahathir berkata, sipak berkecuali polis akan

meningkatkan kepercayaan rakyat kepada institusi itu.

“Setakat ini, polis telah menunjukkan tahap profesionalisme tinggi dan ini sepatutnya dikekalkan,” katanya sambil mengingatkan polis supaya tidak bertindak terlalu bebas menangani sesuatu masalah kerana rakyat sudah mula menegur tindakan yang dianggap melulu.